



KEMENTERIAN DIGITAL

SIARAN MEDIA

MESYUARAT PERTAMA KUMPULAN KERJA NAIIO, MENDORONG KEPIMPINAN AI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Februari 2025 – Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) hari ini mengadakan mesyuarat sulung Kumpulan Kerja, satu penanda aras penting yang menggambarkan komitmen teguh Malaysia untuk menjadi negara peneraju AI. Mesyuarat ini telah menghimpunkan lebih 170 pakar daripada pelbagai latar belakang, mengukuhkan usaha kolektif negara dalam membentuk masa depan kecerdasan buatan.

Hasrat strategik ini berakar umbi dalam agenda “Membina Negara AI,” yang mendorong NAIO untuk mewujudkan ekosistem dinamik dan inklusif di mana pelbagai perspektif dan kepakaran disatukan. Susulan sambutan yang menggalakkan terhadap seruan penyertaan pada pertengahan Februari lalu, NAIO berjaya menghimpunkan kumpulan yang dinamik dan pelbagai, merangkumi rakyat Malaysia, pakar antarabangsa, dan kumpulan diaspora Malaysia. Perhimpunan ini menampilkan veteran industri, perunding berpengalaman, penyelidik terkemuka, dan ahli profesional, memastikan pendekatan holistik dan pelbagai aspek terhadap pembangunan AI.

Inisiatif Kumpulan Kerja NAIO menyatukan spektrum kepakaran yang luas merentasi domain kritikal, termasuk teknologi, dasar, etika, keselamatan, pembangunan bakat, dan impak masyarakat. Platform kolaboratif ini memperjuangkan inklusiviti dan kepakaran, memastikan strategi AI diterjemahkan kepada penyelesaian nyata yang mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam landskap AI global.

Hari ini tujuh (7) Kumpulan Kerja NAIO -- Kedaulatan AI, Peraturan & Dasar AI, Keselamatan AI, Tadbir Urus & Etika AI, Keselamatan AI, Bakat AI, dan Penasihat AI -- menetapkan hala tuju strategik mereka, menentukan objektif jelas, hasil yang boleh dicapai, dan penanda aras bagi setiap kumpulan.

Kumpulan-Kumpulan Kerja ini akan bekerjasama rapat dengan pasukan sektoral untuk menterjemahkan strategi AI kepada aplikasi dunia nyata yang memberi impak langsung kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial Malaysia. Setiap kumpulan dibentuk untuk menangani cabaran dan peluang khusus dalam agenda AI nasional, memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam era dipacu AI.

Pandangan dan cadangan daripada Kumpulan-Kumpulan Kerja ini akan memainkan peranan penting dalam membentuk strategi AI nasional, termasuk Pelan Tindakan AI, rangka kerja peraturan, dan model tadbir urus. Inisiatif ini mengesahkan komitmen NAIIO terhadap penggubalan dasar yang inklusif dan kolaboratif, memanfaatkan kepakaran dan inovasi untuk memajukan aspirasi AI Malaysia.

Dengan memanfaatkan kekuatan komuniti yang pelbagai dan berbakat ini, NAIIO bersedia untuk memimpin Malaysia ke arah kecemerlangan AI. NAIIO kekal komited untuk memupuk kerjasama strategik, memastikan AI berfungsi sebagai pemacu transformatif untuk kemajuan negara.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Digital.**